

# NUSYUZ ISTERI DAN SUAMI DARI PERSPEKTIF HUKUM

*Oleh: Ustaz Abdul Kadir bin Hj. Muhammad*

## Abstrak

*Tulisan ini membincangkan konsep nusyuz dari perspektif hukum syara'. Selama ini selalu kita dengar nusyuz hanya berlaku di pihak isteri sahaja, tidak di pihak suami. Tetapi sebenarnya nusyuz berlaku di kedua-dua belah pihak. Cuma bentuk dan cara penyelesaiannya sahaja berbeza. Ini sesuai dengan tanggungjawab masing-masing*

## 1.0 Pendahuluan

Firman Allah bermaksud, Al-Rum, 20-21

*Dan antara tanda-tanda yang membuktikan kekuasaanNya, bahawa Dia menciptakan kamu dari tanah, kemudian menjadi manusia hidup bertaburan di muka bumi. Dan antara tanda-tanda yang membuktikan kekuasaanNya, bahawa Dia menciptakan untuk kamu (laki-laki) isteri-isteri dari kamu sendiri supaya kamu menjadi tenteram (aman damai) hidup bersamanya. Dan Dia menjadikan antara kamu suami isteri berkasib-kasihan dan belas kasihan. Sesungguhnya demikian itu sebagai tanda (kebesaran Allah) bagi mereka yang ingin berfikir. (Lampiran 1)*

Firman Allah SWT yang bermaksud, Al-Baqarah, 187

*Mereka adalah pakaian bagi kamu, dan kamu pun adalah pakaian bagi mereka. (Lampiran 2)*

Itulah hakikat manusia asal kejadiannya adalah dari tanah. Kemudian Allah menjadikan mereka hidup berpasangan berdasarkan konsep berkasih sayang antara satu sama lain. Namun begitu manusia tidak sunyi daripada melakukan kesilapan yang menyentuh hak orang lain. Apabila timbul krisis dalam rumah tangga yang melibatkan suami isteri ia diistilahkan sebagai *Nusyuz*.

---

\* Pensyarah di Jabatan al-Syariah, KIAS

*Nusyuz* adalah punca berlakunya krisis atau ketidakstabilan rumah tangga yang kalau tidak dibendung kemungkinan besar membawa kepada perceraian yang termasuk dalam perkara halal yang amat dimurkai Allah. Sebagai jalan keluar bagi menyelesaikan *Nusyuz* secara berpanjangan dan mengelak berlakunya perceraian, maka Islam telah menentukan cara-cara penyelesaiannya.

Perbuatan *Nusyuz* kadangkala berpunca daripada isteri dan kadangkala berpunca dari suami dan kadangkala disebabkan oleh kedua-dua belah pihak. Tetapi apa yang berlaku dalam tanggapan masyarakat apabila disebut *Nusyuz* tergambar dalam pemikiran mereka *Nusyuz* hanya berlaku di pihak isteri sahaja, tidak berlaku di pihak suami. Walau apa pun bentuk *Nusyuz* yang berlaku di pihak isteri tidak sama dengan *Nusyuz* yang berlaku di pihak suami.

Dengan itu kaedah penyelesaian pun tidak sama. Berlainan bentuk *Nusyuz* dan berlainan kaedah penyelesaian antara lelaki atau perempuan suatu hakikat yang tidak boleh di nafi kerana ketidaksamaan kejadian lelaki dan perempuan baik dari bentuk fizikal dan emosi. Ini suatu Sunnah Allah bagi menstabilkan kehidupan manusia di dunia.

Bagaimana pun kertas ini akan menghadkan perbincangan kepada bentuk-bentuk *Nusyuz* yang berlaku sama di pihak isteri dan juga di pihak suami serta kaedah penyelesaiannya dari aspek hukum, tidak dari aspek punca atau sebab berlakunya *Nusyuz*. Namun begitu secara umumnya terjadinya *Nusyuz* atau krisis rumah tangga kerana ketidakpatuhan atau tunduk kepada hukum yang ditentukan.

## 2.0 Pengertian Nusyuz

### 2.1 Pengertian Nusyuz Secara Umum.

*Nusyuz* pada pengertian bahasa, *Mengangkat dan Pertelagahan. Pada sudut istilah* ialah *penolakan taat pasangan suami isteri terhadap satu sama lain dalam menunaikan hak*. Dari pengertian ini jelas *Nusyuz* berlaku di kedua-dua belah pihak.

## 2.2 Pengertian Nusyuz Isteri

Ibn al-'Arabi mengistilahkan *Nusyuz* isteri sebagai *al-Imtina'* (*menahan*). Isteri menahan dirinya dari melaksana hak suami. Al-Baydawi menjelaskan *isteri menarik diri dari mentaati suami'* Badran Abu al-Aynayn Badran memberi pengertian yang lebih jelas, *Nusyuz* isteri bermaksud sebagai *perbuatan isteri tidak mentaati suami, dan termasuklah keluar dari rumah tanpa izin dan tanpa apa-apa alasan yang diharuskan oleh Syara'*.<sup>2</sup>

Dari pengertian di atas dapat difahami apabila dikatakan *Nusyuz* isteri ia bermaksud pelanggaran tanggungjawab oleh isteri terhadap hak-hak suami yang ditetapkan oleh Syara'. Ini memberi erti sebaliknya isteri tidak dikatakan melakukan perbuatan *Nusyuz* sekalipun tidak melaksana hak suami sekiranya mempunyai alasan Syara'.

Kewajipan isteri mentaati suami ialah berasaskan kepada konsep kepimpinan lelaki dalam rumah tangga dan tanggungjawab. Firman Allah, An-Nisa', 34

*Laki-laki adalah pemimpin ke atas kaum perempuan dengan apa yang Allah lebihkan setengah kamu ke atas yang lain dan dengan apa yang mereka nafkahkan dari harta mereka itu (laki-laki), perempuan yang salih ialah yang taat kepada Allah ... (Lampiran 3)*

Ayat ini menjelaskan kewajipan isteri mentaati suami ialah kerana sifat kepimpinan lelaki dan kewajibannya menyediakan segala peruntukan untuk isteri. Oleh kerana hak taat merupakan hak suami, maka suami diberi kuasa menta'dikkan isteri sekiranya berlaku *Nusyuz*.<sup>3</sup>

## 2.3 Bentuk-bentuk Nusyuz Isteri

Isteri dikatakan melakukan perbuatan *Nusyuz* apabila ia melakukan perkara berikut:

### (i) Keluar Rumah Tanpa Izin

Isteri disifatkan sebagai melakukan perbuatan *Nusyuz* sekiranya ia keluar rumah tanpa mendapat keizinan suami terlebih dahulu kerana asal bagi

seseorang perempuan ialah sentiasa berada di rumah suami.<sup>4</sup> Firman Allah, (al-Ahzab : 33)

*Hendaklah kamu tetap di rumah-rumah kamu dan jangan sekali-kali kamu keluar sebagaimana orang-orang jahiliyah yang dabulu-dabulu.* (Lampiran 4)

Ayat ini menjelaskan perempuan di minta supaya sentiasa berada di rumah dan tidak boleh keluar tanpa alasan Syara'.<sup>5</sup>

Dengan itu bererti keluar rumah tanpa izin tidak termasuk dalam perbuatan *Nusyuz*, sekiranya kerana alasan Syara'. Antaranya, seperti rumah yang diduduki tidak sesuai atau tidak terdapat alat keperluan asasi atau kerana gangguan jiran atau sebagainya.<sup>6</sup>

Mengenai keluar rumah kerana menziarahi dua ibu bapa walaupun tanpa izin tidak termasuk dalam perbuatan *Nusyuz* mengikut setengah pandangan,<sup>7</sup> malah mereka berpendapat isteri mempunyai hak menziarahi dua ibu bapa lebih kerap sekiranya dua ibu bapanya sakit dan tidak ada orang lain yang menjaganya. Ini tanpa mengira sama ada diizin atau tidak oleh suami kerana manusia dituntut oleh Islam membuat kebaikan sedaya yang mampu kepada dua ibu bapa,<sup>8</sup> sama ada sebelum atau selepas kahwin dan sama ada ibu bapa Islam atau tidak.<sup>9</sup>

Hanafi hanya membolehkan isteri menziarahi dua ibu bapa tanpa izin sekiranya mereka sakit sahaja.<sup>10</sup> Dengan lain perkataan menziarahi dua ibu bapa tanpa izin tidak termasuk dalam perbuatan *Nusyuz* sekiranya mereka sakit.

Ada pandangan lain menyatakan makruh suami tidak mengizinkan isteri menziarahi dua ibu bapanya.<sup>11</sup> Alasannya membuat kebaikan kepada dua ibu bapa dan menghubungkan tali silaturahim adalah kewajipan yang dituntut oleh agama. Menghalang mereka menziarahi dua ibu bapa menyebabkan berlaku kerenggangan hubungan dan mendorong mereka melakukan perbuatan derhaka. Sedangkan melakukan kebaikan dan menghubungkan silaturahim adalah satu tuntutan Syara'.<sup>12</sup> Firman Allah, (al-Isra' : 24), maksudnya

*Allah telah memfardukan kepada kamu supaya kamu jangan mengabdikan diri melainkan terhadapNya dan kepada dua ibu bapa hendaklah kamu melakukan ibsan.* (Lampiran 5)

Hadis Qudsi:

*Ertinya, Aku adalah Allah, Aku amat pemurah, Aku jadikan rahim (perhubungan), aku pecahkan namaKu baginya (rahim) dari nama Aku, sesiapa yang menyambung tali perhubungan aku akan menyambung tali perhubungannya, dan sesiapa yang memutus tali perhubungan Aku akan memutuskannya.*

Dari pendapat di atas ada beberapa pandangan mengenai keluar rumah menziarahi ibu bapa tanpa izin. **Pandangan pertama**, isteri tidak melakukan perbuatan *Nusyuz* sekalipun tidak diizinkan sama ada sakit atau pun tidak. **Pandangan kedua**, ziarah ibu bapa semasa sakit tanpa izin sahaja tidak termasuk dalam perbuatan *Nusyuz* dan **ketiga** menziarahi ibu bapa tanpa izin termasuk dalam perbuatan *Nusyuz*, sama ada sakit atau pun tidak. Bagaimana pun makruh suami melarang isteri menziarahi ibu bapa kerana membuat kebaikan kepada mereka adalah tuntutan Syara’

#### (i) Kedudukan Isteri Keluar Rumah Untuk Bekerja

Isteri keluar untuk bekerja apakah ia tergolong dalam perbuatan *Nusyuz* atau pun tidak. Dalam masalah ini tidak timbul perselisihan pendapat antara ulama sekiranya mendapat izin suami. Perbuatan itu tidak termasuk dalam perbuatan *Nusyuz*.

Tetapi yang timbul perselisihan sekiranya berlaku penarikan balik izin oleh suami terhadap izin yang diberi. Apakah ia dianggap sebagai melakukan perbuatan *Nusyuz* atau pun tidak. Dalam masalah ini ada dua pandangan berbeza.

**Pendapat pertama**, sebahagian besar ulama sama ada ulama yang terdahulu atau semasa berpendapat setelah berlaku penarikan balik izin dan sekiranya isteri masih lagi keluar untuk bekerja sedangkan segala kemudahan telah disediakan suami maka perbuatan itu adalah sebagai perbuatan *Nusyuz*.

Ibn Abidin menyatakan:

*Sekiranya ditegah bertennun dan ingkar, keluar tanpa izin suami, maka ia dikira sebagai Nusyuz selama mana ia keluar dan sekiranya ia tidak menegah dari keluar maka ia tidak dikira sebagai Nusyuz.<sup>13</sup>*

Muhammad Abu Zuhrah memberi pendapat yang sama:

*Perempuan bekerja apabila diminta berada di rumah, tidak berhak mendapat nafkah apabila ia tidak mematuhi permintaan tersebut. Perbuatan demikian (izin bekerja) dikira sebagai penyerahan tidak sempurna. Suami berhak meminta isteri menyerah diri secara penuh. Enggan mematuhi permintaan suami ia dianggap sebagai melakukan perbuatan Nusyuz.<sup>14</sup>*

Pendapat yang sama dinyatakan oleh Abd al-Rahman Taj, dalam kitabnya *al-Shariat al-Islamiyah fi al-Abwal al-Sakhsiyah* dan Umar Abdullah dalam kitabnya *Abkam al-Shari'at al-Islamiyah fi al-Abwal al-Sakhsiyah*, h.340.

**Pendapat Kedua**, menyatakan suami tidak lagi mempunyai hak untuk menarik balik izin sekiranya suami telah memberi keizinan. Ini berdasarkan kepada keputusan oleh Mahkamah Rendah Kaherah, tahun 1956, keputusan Mahkamah Rendah Iskandariah, 1964 Mesir.<sup>15</sup>

Hak untuk tidak boleh menarik balik izin juga sebagaimana dinyatakan oleh Muawwab Abd al-Tawwab.<sup>16</sup> Bagaimana pun ia terikat dengan syarat-syarat di bawah:

**Pertama**, apabila disyaratkan semasa akad, pengkalan isteri untuk bekerja atau memberi hak untuk bekerja.

**Kedua**, apabila suami mengetahui yang isterinya bekerja sebelum berlaku akad.

**Ketiga**, apabila isteri bekerja selepas akad tetapi sebelum dukhul dan suami redha dengan kerja tersebut sama ada keredhaan itu secara terang atau secara tersirat.

**Keempat**, apabila isteri bekerja selepas dukhul dan suami redha dengan kerja tersebut, sama ada secara jelas atau tersirat.

Keluar dalam keadaan di atas setelah dipersetujui oleh suami, maka tidak ada hak lagi baginya untuk menghalang dan sekiranya isteri keluar maka ia tidak dianggap sebagai melakukan *Nusyuz* dan tidak menggugurkan nafkahnya.

**Kelima**, apabila isteri terpaksa keluar rumah untuk bekerja kerana kepentingan

atau keperluan bagi menambah pendapatan kerana keluar dalam keadaan ini dikira sebagai daruri dan tidak menggugurkan nafkah.

Berhubung dengan pendapat di atas, pembentang lebih bersetuju dengan pendapat pertama. kerana hak berada di rumah adalah hak *ibtibas al-kamil* bagi suami. Ketika ia izin isteri keluar bererti ia redha dengan *ikhtibas al-naqis*. Tetapi apabila ia menarik balik izin bererti ia tidak lagi redha dengan *ikhtibas al-naqis*. Dengan itu hak izin suami tidak gugur walaupun keizinan itu telah diberi.

Bagaimana pun *Akta Keganasan Rumah Tangga, Akta 524, Sek 2* memperuntukkan *suami tidak ada hak melarang isteri keluar rumah tanpa kerelaannya*. Berasaskan kepada peruntukan ini suami boleh dituduh sebagai melakukan perbuatan jenayah sekiranya isteri tidak bersetuju dengan larangan tersebut. Peruntukan ini nampaknya bercanggah dengan hak yang diberi Syara' untuk menegah isteri keluar rumah. Akta ini dikuatkuasakan sama ada kepada orang Islam dan bukan Islam

### **Cara Penentuan Izin Bekerja**

Sudah dijelaskan sebahagian besar ulama dan pendapat yang rajih isteri bekerja di luar rumah dengan izin suami berhak mendapat nafkah. Izin itu boleh dita'birkan dengan beberapa cara. Antaranya, dengan menggunakan lafaz yang sarih (jelas), seperti suami berkata kepada isteri aku izin kamu bekerja atau cara kelakuan, seperti keluar bersama-sama ke tempat kerja ataupun dengan diam yang tidak ada reaksi melarang isteri kerja. Walaupun pada asalnya diam bukan menggambarkan sebagai izin, namun begitu dalam keadaan tertentu diam boleh digambarkan sebagai izin.<sup>17</sup> Ini seperti sebelum berkahwin laki-laki mengetahui yang bakal isterinya bekerja atau sedang memohon pekerjaan dan selepas berkahwin tidak melarang isterinya bekerja atau menghalang hasrat isterinya, maka diam itu boleh dikira sebagai izin.

#### **(ii) Keengganan isteri berpindah rumah bersama suami.**

Keengganan isteri berpindah rumah mengikuti suami dikira sebagai perbuatan *Nusyuz* sekiranya rumah yang disediakan itu sesuai. Firma Allah, At-Talaq, 6

*Tempatkan mereka itu (isteri) di mana kamu bertempat tinggal dan jangan sekali-kali, memudaratkan mereka itu. (Lampiran 6)*

Rumah atau tempat tinggal yang sesuai mestilah dapat memenuhi ciri-ciri berikut:<sup>18</sup>

- i. Rumah yang disediakan sesuai untuk mereka tinggal bersama dan mempunyai keperluan asasi yang sesuai, berdasarkan kepada keadaan dan kemampuan kewangan suami.
- ii. Rumah adalah dikhaskan untuk mereka berdua sahaja kecuali anak-anak suami dari isteri yang terdahulu yang belum mumaiyiz. Tinggal bersama orang lain kadang-kadang menyusahkan dan menyempitkan mereka.
- iii. Rumah yang disediakan dapat menjamin keselamatan terhadap jiwa dan harta isteri.

Berdasarkan syarat-syarat di atas keengganan isteri berpindah mengikuti suami kerana rumah tidak memenuhi syarat maka keengganan itu tidak tergolong dalam perbuatan *Nusyuz*. Begitu juga keengganan berpindah kerana suami tidak menyegerakan pembayaran mahar yang dipersetujui atau berdasarkan adat.<sup>19</sup>

### **(iii) Keengganan Musafir Bersama Suami.**

Keengganan musafir mengikuti suami juga termasuk dalam perbuatan *Nusyuz* dan sekiranya musafir yang dicadangkan itu memenuhi syarat-syarat berikut:<sup>20</sup>

- i. Suami dapat memberi jaminan keselamatan kepada diri dan hartanya semasa musafir
- ii. Musafir bukan bertujuan menipu atau menyusahkan isteri
- iii. Musafir kerana kepentingan, seperti untuk urusan perniagaan, menuntut ilmu atau pun kerana tugas dan sebagainya.



**(iv) Menghalang Suami Masuk Ke Rumah Milik Isteri Selepas Di Izin.**

Ini sekiranya isteri telah mengizinkan suami tinggal bersama di rumahnya dan suami tidak diberi tempoh yang sesuai mencari rumah lain dan berpindah terlebih dahulu, maka menghalang atau melarang suami masuk ke rumahnya dikira sebagai melakukan perbuatan *Nusyuz*.<sup>21</sup> Tetapi apabila diberi peluang keengganan isteri membenarkan suaminya masuk ke rumah beliau tidak dianggap sebagai *Nusyuz* kerana rumah itu adalah hak miliknya.<sup>22</sup> Pada asasnya bukan menjadi tanggung jawab isteri menyediakan rumah untuk mereka tinggal bersama. Suami mesti menyediakan tempat tinggal. Keizinan isteri untuk suami tinggal bersamanya sama ada rumah miliknya atau disewa hanya berasas kepada kerjasama, tolak ansur bukan satu kewajipan sekalipun ketika ikatan perkahwinan masih kekal.<sup>23</sup>

**(v) Menghalang Suami Beristimta'.<sup>24</sup>**

Istimta' itu adalah hak suami dan sekiranya isteri menghalang beristimta' tanpa apa-apa hak, maka halangan itu adalah termasuk dalam perbuatan *Nusyuz* sekiranya tanpa apa-apa hak atau apa-apa keuzuran.<sup>25</sup> Abu Hurairah meriwayatkan dari Rasulullah S.A.W bermaksud:<sup>26</sup>

*Ertinya, Apabila seorang laki-laki mengajak isterinya ke tempat tidur, tetapi ia enggan, malaikat akan melaknatnya sehingga waktu subuh.*

Lagi sabdanya,<sup>27</sup> *apabila perempuan berpindah dari tempat tidur suaminya, maka dilaknat oleh malaikat sehingga waktu subuh.*

**Halangan Kerana Uzur atau Alasan Syarak**

Halangan istimta' itu kerana hak atau uzur, maka tidak boleh disifatkan sebagai *Nusyuz*. Halangan kerana hak, antaranya menghalang beristimta' kerana menuntut disegerakan mas kahwin berdasarkan persetujuan atau uruf. Halangan itu tidak boleh dikategorikan sebagai *Nusyuz* kerana mas kahwin itu adalah haknya yang ditentu oleh Syara'.<sup>28</sup>

Halangan kerana uzur tidak juga termasuk dalam perbuatan *Nusyuz*, seperti isteri sakit, berada dalam haid, nifas, atau lain-lain keuzuran Syara'.<sup>29</sup> Alasannya

melakukan jima' dalam keadaan tersebut boleh menimbulkan kemudharatan kepada isteri. Sabda Rasulullah SAW yang bermaksud, *jangan melakukan mudarat dan dimudaratkan*. Selain dari itu hubungan dalam keadaan haid dan nifas jelas bertentangan dengan Syara'. Firman Allah maksudnya, Al-Baqarah, 222

*Hendaklah kamu menjaubi perempuan semasa mereka berada dalam haid.*  
(Lampiran 7)

(vi) Meninggalkan fardu-fardu atau tuntutan agama yang diwajibkan oleh Allah SWT bukan sahaja melakukan *Nusyuz* terhadap suami malah termasuk dalam perbuatan maksiat.<sup>30</sup>

## 2.4 Kaedah Menyelesaikan Nusyuz Isteri

Sebagaimana disebut dalam pendahuluan tadi sistem perkahwinan dalam Islam ialah untuk mewujudkan keharmonian, kasih mengasihani antara pasangan suami isteri dan mengelak perceraian. Sebab itu langkah menta'dib diambil terlebih dahulu sebagaimana berikut:

### (i) Memberi Nasihat.

Suami hendaklah mengguna perkataan yang lemah lembut dan bersopan, seperti takutlah kepada Allah dengan melaksana hak saya yang wajib di atas engkau atau lain-lain perkataan yang baik. Moga-moga dengan itu isteri berlembut hati dan kembali taat. Firman Allah, maksudnya, An-Nisa', 34:

*Apabila diketabui Nusyuz isteri (kerana melakukan perkara-perkara di atas) nasihatkan mereka.* (Lampiran 8)

Langkah ini di ambil sebelum langkah pemuluan tempat tidur atau pukul secara ta'dib di ambil.<sup>31</sup>

### (ii) Berpindah Dari Tempat Tidur

Langkah kedua ini diambil setelah langkah pertama tidak memberi kesan. Firman Allah, maksudnya "*Berpindahlah dari tempat tidur mereka*". Nabi

pernah memulau tempat tidur para isterinya selama sebulan.<sup>32</sup> Bagaimanapun semasa pemuluan tersebut dilarang dari tidak bercakap dengan isteri lebih dari tiga hari. Sabda Rasulullah S.A.W.<sup>33</sup> Maksudnya, *tidak halal bagi seseorang Islam tidak bercakap dengan saudaranya lebih dari tiga hari.*

### (iii) Pukul

Sekiranya *Nusyuz* masih berkekalan suami dibolehkan memukul isteri sebagai pukulan pengajaran untuk menjernihkan kembali rumah tangga yang terganggu, bukan pukulan melukakan, mencedera, atau mencacatkan isteri. Pukulan adalah sebagai pilihan terakhir dalam keadaan terdesak. Diriwayatkan dari Aishah (R.A) maksudnya, <sup>34</sup>

*Rasulullah tidak pernah memukul isterinya, khadamnya dan tidak memukul dengan tangannya melainkan kerana berjuang pada jalan Allah, atau mereka yang menceroboh perkara yang diharamkan oleh Allah, maka ia menuntut bela kerana Allah.*

Oleh kerana pukulan sebagai pukulan pengajaran, maka suami tidak dibolehkan memukul isteri di bahagian-bahagian yang sensitif seperti muka, perut, tempat-tempat yang kemungkinan membawa kepada maut.<sup>35</sup>

### (iv) Pelantikan Hakim

Sebagai penyelesaian terakhir ialah melalui pelantikan hakim. Firman Allah, Surah Al-Nisa', ayat 35, maksudnya,

*Sekiranya kamu bimbang berlaku perpecahan antara kamu berdua lantiklah hakim (orang tengah) seorang dari keluarga lelaki dan seorang dari keluarga perempuan, sekiranya kedua-dua itu mahu mencari perdamaian nescaya Allah akan mempertemukan mereka secara baik. (Lampiran 9)*

Mengikut al-Syafii dan Hanbali, hakim tidak ada kuasa menceraikan atau pun tebus talak tanpa mendapat mandat dari suami. Tetapi Maliki berpendapat sebaliknya, hakim mempunyai kuasa penuh sama ada hendak menceraikan atau tidak tanpa mendapat izin suami atau pun kebenaran hakim. Hanafi pula berpendapat hakim perlu melaporkan perkara tersebut dan hakim mempunyai kuasa sama ada hendak menceraikan atau pun tidak.<sup>36</sup>

### 3.0 Nusyuz Suami dan Bentuknya

Kalau terjadinya *Nusyuz* di pihak isteri, maka demikian juga *Nusyuz* terjadi di pihak suami. Firman Allah maksudnya, An-Nisa', 128

*Sekiranya isteri bimbang dengan Nusyuz suaminya atau berlaku keingkaran maka tidak ada apa-apa balangan kamu melakukan tebus talak. (Lampiran 10)*

Secara umumnya *Nusyuz* suami bermaksud suami tidak melaksana hak-hak isteri yang ditentukan Syara'. Dengan ini jelas *Nusyuz* juga berlaku di kalangan suami, sebagaimana ia berlaku di pihak isteri. Cuma bentuk *Nusyuz* dan tindakan yang boleh diambil sahaja berlainan.

Suami diwajibkan menanggung nafkah isteri dan melaksana giliran yang adil. Nafkah dan giliran yang adil adalah hak isteri yang ditentukan berdasarkan nas-nas Syara'. Kegagalan melaksana hak-hak tersebut bererti suami melakukan perbuatan *Nusyuz*. Begitu juga Syara' membolehkan suami memukul isteri bertujuan menta'dibkannya. Tetapi sekiranya pukulan berlebihan mendatangkan kemudaratan maka perbuatan itu dikira sebagai *Nusyuz* kerana melanggar hak yang diberi oleh Syara'.

Dengan itu terjadinya *Nusyuz* suami kerana dua perkara, pertama kerana tidak melaksanakan hak dan kedua penyalahgunaan hak.

Tidak melaksanakan hak dijelaskan dalam Majmu' Shar al-Muhazzab seperti berikut:<sup>37</sup>

*Apabila ternyata berlaku Nusyuz dari suami, seperti ia menghalang sesuatu yang di wajib kepada isteri, seperti nafkah, pakaian, giliran yang adil dan sebagainya hendaklah hakim menempatkan isteri berhampiran mereka yang boleh dipercayai dan adil.*

Menyalah guna hak dinyatakan oleh Dr. Harun Din seperti berikut:<sup>38</sup>

*Apabila suami berkekalan Nusyuznya dan tidak mahu berdamai, seperti berpindah tempat tidur atau memukul atau mencaci yang memudaratkan maka isteri berhak melaporkan perkara tersebut kepada Kadi. Berpindah atau meninggalkan isteri akan timbul kesukaran yang amat besar kepadanya.*

Perkara ini telah dinyatakan oleh para ulama silam, antaranya Mazhab Hanafi:<sup>39</sup>

*Apabila suami berkekalan (Nusyuz) terhadap isterinya seperti memukul atau menyakiti sama ada dengan perkataan atau perbuatan, diangkat urusannya kepada Kadi supaya diberi amaran dan untuk menegahnyanya (suami) dari melakukan kemerbahayaannya terhadap isteri.*

Demikian juga dengan pandangan mazhab Maliki:<sup>40</sup>

*Dengan melakukan perbuatan terhadap isteri seperti memukul dengan pukulan yang tidak berdasarkan Syara' atau mencela dan seumpamanya ... hendaklah hakim menghalang dengan nasihat ...*

Dari kenyataan di atas ternyata *Nusyuz* berlaku juga di pihak suami sebagaimana berlaku *Nusyuz* di pihak isteri, cuma bentuk *Nusyuz* sahaja berlainan dengan *Nusyuz* yang dilakukan isteri.

### 3.1 Penyelesaian Nusyuz

Setiap permasalahan terdapat penyelesaian. Tindakan-tindakan berikut boleh diambil bagi menyelesaikan masalah *Nusyuz* yang dilakukan oleh suami:

#### (i) Berdamai secara baik.

Langkah aman atau langkah penyelesaian secara baik mesti diutamakan sebelum langkah lain di ambil. Firman Allah, An-Nisa', 128

*Sekiranya isteri bimbang dengan Nusyuz suaminya atau berlaku keingkaran maka tidak ada apa-apa halangan mereka berdamai antara mereka berdua dan berdamai itu adalah jalan yang terbaik. (Lampiran 11)*

#### (ii) Membuat aduan kepada Kadi

Untuk kali pertama Kadi hendaklah menasihati suami supaya tidak menyakiti atau memukul isteri. Sekiranya suami masih meneruskan perbuatan itu bolehlah Kadi menta'zir untuk menghalang ia bertindak demikian.<sup>41</sup>

**(iii) Berpisah**

Sebagai langkah-terakhir bolehlah mereka berpisah sama ada dengan talak atau tebus talak atau pun dengan Fasakh. Untuk langkah ketiga ini perlu ada syarat-syarat tertentu.

**4.0 Penutup**

Dari perbincangan di atas ternyata nusyuz' berlaku di kedua-dua belah pihak, cuma bentuknya sahaja berlainan. Bagi menjamin keharmonian rumah tangga, Islam menentukan kaedah penyelesaian jika berlakunya *Nusyuz* di kalangan pasangan terlibat.

## Nota Hujung

- 
- <sup>1</sup> Lihat Haruddin, *al-Nafakah wa al-Shiqaq wa Taaddud al-Zawaj wa Kaifa 'Ilajiba*, h. 65.
- <sup>2</sup> Badran Abu al-Aynayn Badran. *Al-Zawaj wa al-Talaq fi al-Islam*, h. 239
- <sup>3</sup> Lihat, al-Sayyid Ahmad Faraj, h. 233.
- <sup>4</sup> Al-Sayyid Ahmad Faraj. *Al-Zawaj wa Abkamuhu fi Mazhab Ahli al-Sunnah*, h. 229.
- <sup>5</sup> Badran Abu al-Aynayn Badran. Op, cit, h. 273
- <sup>6</sup> Ibid, h. 239
- <sup>7</sup> Kamal Saleh al-Banna. *Mausuah Kamal al-Banna fi al-Shariah wa al-Qanun*, 1994, h. 197
- <sup>8</sup> Ibid, h.197
- <sup>9</sup> Ibid.
- <sup>10</sup> Lihat Wahbah Zuhayli, *al-Fiqh al-Islami wa Adillatuhu*, j. 7, h. 336
- <sup>11</sup> Al-Sayyid Abd al-Rahman Farj. *Al-Zawaj wa Abkamuhu fi al-Shariah*, h.230
- <sup>12</sup> Ibid.
- <sup>13</sup> Lihat, Abd Allah al-Bandari, 16.
- <sup>14</sup> Muhammad Abu Zuhrah, *Abkam al-Zawaj fi al-Shari'at al-Islamiyah*, 1958, h. 285
- <sup>15</sup> Ibid, h. 29-30
- <sup>16</sup> *Al-Wasit fi Sharh Qawanin al-Abwal al-Sakhsiyah*, h.387-38
- <sup>17</sup> *Al-Mausuah al-Fiqhiyah*,j.2,h.33-36
- <sup>18</sup> Iaitu (Muhammad Nabil al-Shazli, *Abkam al-Urah fi al-Fiqh al-Islami*, h. 222)
- Ibid, h. 222
- <sup>19</sup> Badran Abu al-Aynayn Badran, ibid, h. 239
- <sup>20</sup> Muhammad Nabil Sad al-Sazli, h. 223

- 
- <sup>21</sup> Badran Abu al-Aynayn Badran, op, cit. ; h.239
- <sup>22</sup> Ibid, h.240
- <sup>23</sup> Kamal Saleh al-Bana, h. 198
- <sup>24</sup> Abd al-Rahman al-Jaziri, *al-Fiqh 'ala al-Mazahib al-Arbaah*, j.4, h. 569
- <sup>25</sup> Qalyubi wa Umayrah, Dar allhya', j.4, h. 78.
- <sup>26</sup> Hadis Bukhari, j.9, h. 241, lihat juga Sayyid Ahmad Farj, *al-Zawaj wa Abkamuhu fi Mazhab Abli al-Sunnab*, h. 223
- <sup>27</sup> Al-Bukhari, j. 9, h. 243, Ahmad Faraj, ibid, h. 223
- <sup>28</sup> Al-Marghanani. *Al-Hidayah Sharh Hidayah al-Muhtadi*, j.1, h. 285
- <sup>29</sup> Ibid, h. 78
- <sup>30</sup> Internet: <http://www.alkalema.us.womwn/womwn24htm>
- <sup>31</sup> Wahbah Zuhayli. *Al-Fiqh al-Islami wa Adillatuhu*, j.7, h. 338
- <sup>32</sup> Wahbah Zuhayli, Ibid, 339
- <sup>33</sup> *Al-Targib wa al-Tarhib*, j. 3, h. 455
- <sup>34</sup> *Nail al-Autar*, jil. 6, h, 21
- <sup>35</sup> Wahbah Zuhaili, jil.7, h. 340
- <sup>36</sup> Wahbah Zuhaili, *al-Fiqh al-Islami wa Adillatuhu*, j.7, h. 341
- <sup>37</sup> *Al-Majmu' Sharh al-Mubazzab*, jil, 15, 609 ; Harun Nin, h.79
- <sup>38</sup> Harun Din. Op. cit. ; h.78
- <sup>39</sup> Ibid
- <sup>40</sup> Ibid
- <sup>41</sup> Harun Din, h. 77



### LAMPIRAN 1

وَمِنْ آيَاتِهِ أَنْ خَلَقَكُمْ مِنْ تُرَابٍ ثُمَّ إِذَا أَنْتُمْ بَشَرٌ تَنْتَشِرُونَ ﴿٢٠﴾ وَمِنْ آيَاتِهِ أَنْ خَلَقَ لَكُمْ مِنْ أَنْفُسِكُمْ أَزْوَاجًا لِتَسْكُنُوا إِلَيْهَا وَجَعَلَ بَيْنَكُمْ مَوَدَّةً وَرَحْمَةً إِنَّ فِي ذَلِكَ لَآيَاتٍ لِقَوْمٍ يُفَكِّرُونَ ﴿٢١﴾

Surah Ar-Rum: 20-21

### LAMPIRAN 2

أَجَلٌ لَكُمْ لَيْلَةَ الصِّيَامِ الرَّفَثُ إِلَى نِسَائِكُمْ هُنَّ لِبَاسٌ لَكُمْ وَأَنْتُمْ لِبَاسٌ لَهُنَّ عَلِمَ اللَّهُ أَنْتُمْ كُنْتُمْ تَخْتَايُونَ أَنْفُسَكُمْ فَتَابَ عَلَيْكُمْ وَعَفَا عَنْكُمْ فَالآنَ بَشِرُواهُمْ وَأَبْتَغُوا مَا كَتَبَ اللَّهُ لَكُمْ وَكُلُوا وَاشْرَبُوا حَتَّى يَتَبَيَّنَ لَكُمُ الْخَيْطُ الْأَبْيَضُ مِنَ الْخَيْطِ الْأَسْوَدِ مِنَ الْفَجْرِ ثُمَّ أَتَمُوا الصِّيَامَ إِلَى الْيَتْلِ وَلَا تَبَشِّرُواهُمْ وَأَنْتُمْ عَنْكِفُونَ فِي الْمَسْجِدِ تِلْكَ حُدُودُ اللَّهِ فَلَا تَقْرُبُوهَا كَذَلِكَ يُبَيِّنُ اللَّهُ آيَاتِهِ لِلنَّاسِ لَعَلَّهُمْ يَتَّقُونَ ﴿١٨٧﴾

Surah Al-Baqarah: 187

### LAMPIRAN 3

الرِّجَالُ قَوَّامُونَ عَلَى النِّسَاءِ بِمَا فَضَّلَ اللَّهُ بَعْضَهُمْ عَلَى بَعْضٍ وَبِمَا أَنْفَقُوا مِنْ أَمْوَالِهِمْ فَالَّذِينَ حَقَّتْ قُلُوبُهُمْ حَافِظَاتُ لَلْغَيْبِ بِمَا حَفِظَ اللَّهُ وَالَّذِي يَخَافُونَ نُشُوزَهُنَّ فَعِظُوهُنَّ وَأَهْجُرُوهُنَّ فِي الْمَضَاجِعِ وَأَضْرِبُوهُنَّ فَإِنْ أَطَعْنَكُمْ فَلَا تَبْغُوا عَلَيْهِنَّ سَبِيلًا إِنَّ اللَّهَ كَانَ عَلِيمًا كَبِيرًا ﴿٣٤﴾

Surah An-Nisa': 34

LAMPIRAN 4

وَقَرْنَ فِي بُيُوتِكُنَّ وَلَا تَبَرَّجْنَ تَبَرُّجَ الْجَاهِلِيَّةِ الْأُولَىٰ وَأَقِمْنَ الصَّلَاةَ وَآتِينَ الزَّكَاةَ وَأَطِعْنَ  
اللَّهَ وَرَسُولَهُ إِنَّمَا يُرِيدُ اللَّهُ لِيُذْهِبَ عَنْكُمُ الرِّجْسَ أَهْلَ الْبَيْتِ وَيُطَهِّرَكُمْ تَطْهِيرًا ﴿٣٣﴾

Surah Al-Ahzab: 33

LAMPIRAN 5

وَفَضَيْنَا إِلَىٰ بَنِي إِسْرَائِيلَ فِي الْكِتَابِ لِنُفْسِدَنَّ فِي الْأَرْضِ مَرَّتَيْنِ وَلِنَعْلُنَّ عُلُوًّا كَبِيرًا ﴿٤﴾

Surah Al-Isra': 4

LAMPIRAN 6

أَسْكِنُوهُنَّ مِنْ حَيْثُ سَكُنْتُمْ مِنْ وُجْدِكُمْ وَلَا تُضَارَّوهُنَّ لِتُضَيِّقُوا عَلَيْهِنَّ وَإِنْ كُنَّ أُولَاتٍ حَمِلًا فَلَا تُنْفِقُوا عَلَيْهِنَّ  
حَتَّىٰ يُضَعْنَ حَمَلَهُنَّ فَإِنْ أَرْضَعْنَ لَكُمْ فَآتُوهُنَّ أَجُورَهُنَّ وَأَنْتُمْ وَآيِنُكُمْ بِمَعْرُوفٍ وَإِنْ تَعَاسَرْتُم فَاسْرُضِعْنَهُنَّ  
فَسَرُّضِعْنَ لَهُنَّ أُخْرَىٰ ﴿٦﴾

Surah At-Talaq: 6

LAMPIRAN 7

وَيَسْأَلُونَكَ عَنِ الْمَحِيضِ قُلْ هُوَ أَذَىٰ فَأَعِزُّوا لِلنِّسَاءِ فِي الْمَحِيضِ وَلَا تَقْرُبُوهُنَّ حَتَّىٰ يَطْهَرْنَ  
فَإِذَا تَطَهَّرْنَ فَأْتُوهُنَّ مِنْ حَيْثُ أَمَرَكُمُ اللَّهُ إِنَّ اللَّهَ يُحِبُّ الْمُتَّوْبِينَ وَيُحِبُّ الْمُتَطَهِّرِينَ ﴿٢٢٢﴾

Surah Al-Baqarah: 222

LAMPIRAN 8

الرِّجَالُ قَوَّامُونَ عَلَى النِّسَاءِ بِمَا فَضَّلَ اللَّهُ بَعْضَهُمْ عَلَى بَعْضٍ وَبِمَا أَنْفَقُوا مِنْ أَمْوَالِهِمْ  
فَأَلْصَقَ لِحْتِ قَنِينَتٍ حَفِظَتْ لِلْغَيْبِ بِمَا حَفِظَ اللَّهُ وَاللَّي تَخَافُونَ نُشُوزَهُنَّ فَعِظُوهُنَّ  
وَأَهْجُرُوهُنَّ فِي الْمَضَاجِعِ وَاضْرِبُوهُنَّ فَإِنْ أَطَعْنَكُمْ فَلَا تَبْغُوا عَلَيْهِنَّ سَبِيلًا إِنَّ اللَّهَ  
كَانَ عَلِيمًا كَبِيرًا ﴿٣٤﴾

Surah An-Nisa': 34

LAMPIRAN 9

وَإِنْ خِفْتُمْ شِقَاقَ بَيْنِهِمَا فَأَبْعَثُوا حَكَمًا مِنْ أَهْلِهِ وَحَكَمًا مِنْ أَهْلِهَا إِنْ يُرِيدَا إِصْلَاحًا يُوَفِّقُ اللَّهُ  
بَيْنَهُمَا إِنْ اللَّهُ كَانَ عَلِيمًا خَبِيرًا ﴿٣٥﴾

Surah An-Nisa': 35

LAMPIRAN 10

وَإِنْ أَمْرًا خَافَتْ مِنْ بَعْلِهَا نُشُوزًا أَوْ إِعْرَاضًا فَلَا جُنَاحَ عَلَيْهِمَا أَنْ يُصْلِحَا بَيْنَهُمَا صُلْحًا  
وَالصُّلْحُ خَيْرٌ وَأُحْضِرَتِ الْأَنْفُسُ الشُّحَّ وَإِنْ تُحْسِنُوا وَتَتَّقُوا فَإِنَّ اللَّهَ كَانَ بِمَا تَعْمَلُونَ  
خَبِيرًا ﴿١٢٨﴾

Surah An-Nisa': 128

LAMPIRAN 11

وَإِنْ أَمْرًا خَافَتْ مِنْ بَعْلِهَا نُشُوزًا أَوْ إِعْرَاضًا فَلَا جُنَاحَ عَلَيْهِمَا أَنْ يُصْلِحَا بَيْنَهُمَا صُلْحًا  
وَالصُّلْحُ خَيْرٌ وَأُحْضِرَتِ الْأَنْفُسُ الشُّحَّ وَإِنْ تُحْسِنُوا وَتَتَّقُوا فَإِنَّ اللَّهَ كَانَ بِمَا تَعْمَلُونَ  
خَبِيرًا ﴿١٢٨﴾

Surah An-Nisa': 128